



20 DEC, 2020

## Kurang tenaga kerja punca harga sayur melambung

Mingguan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

# Kurang tenaga kerja punca harga sayur melambung

**SEREMBAN:** Harga sayuran yang melambung pada waktu ini mungkin didorong oleh faktor kekurangan tenaga kerja di ladang yang mengakibatkan pengeluaran berkurangan dan tidak dapat memenuhi permintaan.

Pengusaha fertigasi meja di Pantai, dekat sini, Mohd. Shukri Jamaladin, 34, berpendangan, majoriti pengusaha pertanian secara komersial banyak bergantung kepada tenaga kerja asing.

Jelasnya, sekatan masuk warga asing sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19 mengakibatkan pengusaha pertanian kekurangan pekerja di tambah pula dengan keengganan warga tempatan bekerja dalam sektor tersebut.

Jelasnya, keadaan tersebut mengakibatkan pengusaha tidak boleh mengeluarkan hasil pertanian dalam skala lebih besar sekali gus berlaku kekurangan sayur-sayuran di pasaran yang mengakibatkan harga meningkat.

"Mana-mana pun sama, memang masalah pekerja, orang tempatan kita tak mau kerja, ditawarkan gaji sebanyak RM1,400 tidak ada yang berminat, tapi kalau pekerja asing diberi gaji RM1,000 pun mereka terima."

"Saya sebelum ini ada empat pekerja asing dari Indonesia yang turut membantu, kemudian tiga daripada mereka yang pulang ke negara mereka pada hujung tahun lalu tapi sehingga kini tidak boleh masuk semula."

"Kini tinggal saya berdua dengan seorang lagi pekerja, memang tidak mampu untuk menjaga pengeluaran ladang seluas hampir 1.2 hektar, jadi kami terpaksa hadkan pengeluaran sayur dan menghenti-



**MOHD. Shukri Jamaladin menunjukkan antara sayur yang ditanam di ladang fertigasi yang diusahakannya di Pantai, Seremban baru-baru ini. - UTUSAN/BADRUL HAFIZAN MAT ISA**

kan beberapa jenis tanaman sayuran," katanya ketika ditemui *Mingguan Malaysia* baru-baru ini.

Mohd. Shukri yang telah terlibat selama empat tahun dalam bidang fertigasi meja yang mengeluarkan hasil pertanian seperti sawi, bayam dan mamen menjelaskan, faktor cuaca juga menyebabkan harga sayur-sayuran meningkat.

"Terutamanya jenis sayur daun, kalau musim hujan harga mesti naik kerana sayur akan banyak rosak, kalau tanam di tanah pun lagi banyak yang rosak jadi sayur di pasaran akan berkurangan."

"Tetapi saya percaya faktor kekurangan pekerja memang menjadi punca utama, seperti saya kalau cukup pekerja saya jangka boleh mengeluarkan hasil sayur antara dua hingga tiga tan sebulan namun kini saya hanya

boleh keluarkan dalam lingkungan 300 hingga 400 kilogram sahaja seminggu," katanya.

Sementara itu, tambahnya, dia bernasib baik mempunyai pelanggan tetap terdiri daripada peniaga di pasar tani, kedai runcit dan restoran yang sentiasa mendapatkan bekalan sayur daripadanya.

"Saya tak hantar hasil pertanian ini kepada pasar-pasar kerana memang tidak mencukupi, tumpuan kepada peniaga pasar tani dan saya hantar sendiri kepada mereka."

"Harga di peringkat ladang juga masih di peringkat kawalan kerana saya mahu pembeli akhir memperoleh harga yang berpatutan, tiada keperluan untuk saya menaikkan harga terlalu tinggi kerana saya sudah mempunyai pelanggan tetap yang banyak menyokong sebelum ini," katanya.



20 DEC, 2020

## Kurang tenaga kerja punca harga sayur melambung

Mingguan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

SEREMBAN: Harga sayursayuran yang melambung pada waktu ini mungkin didorong oleh faktor kekurangan tenaga kerja di ladang yang mengakibatkan pengeluaran berkurangan dan tidak dapat memenuhi permintaan. Pengusaha fertigasi meja di Pantai, dekat sini, Mohd. Shukri Jamaladin, 34, berpendangan, majoriti pengusaha pertanian secara komersial banyak bergantung kepada tenaga kerja asing.